

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 9 APRIL 2012, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 17

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1251-L47960
Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah bentuk perancangan yang boleh dilakukan oleh pihak Kementerian untuk membuka lebih banyak Kolej Vokasional atau Teknikal ke negeri Sarawak supaya anak tempatan dapat menyambung pelajaran. Cadangan ini dapat membantu Kerajaan negeri Sarawak menjayakan SCORE yang memerlukan ramai tenaga kerja teknikal.
2. PR-1251-L48693
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tarikh Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) akan mula berfungsi dan menerima aduan dari orang ramai terhadap kesalahan agensi penguatkuasaan dan bagaimanakah proses membuat aduan.
3. PR-1251-L47220
Dato' Seri Tengku Azlan Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar [Jerantut] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kerajaan berpuas hati dengan pembangunan keseluruhan di kawasan luar bandar Pahang Barat. Kawasan Pahang Barat masih lagi ketinggalan dalam segi infrastruktur jalan terutamanya di sebelah kawasan Ulu Tembeling.
4. PR-1251-L47912
Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN** menyatakan rasionalnya mewajibkan pengilang tiga barang kawalan utama memaparkan logo 1Malaysia pada produk mereka.
5. PR-1251-L47468
Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setakat masa kini, adakah Malaysia meminjam dari institusi-institusi kewangan antarabangsa khasnya International Monetary Fund (IMF), Asia Development Bank dan World Bank. Kalau ada, sila nyatakan jumlah yang telah dipinjam dan apakah tujuannya.

6. PR-1251-L48172

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan jururawat terlatih yang dapat kelulusan dari Kementerian Kesihatan dan juga IPTS setiap tahun mulai tahun 2007 sehingga tahun 2011.

7. PR-1251-L47666

Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib [Langkawi] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:-

- (a) memandangkan Sea Ambulance di Langkawi jarang digunakan disebabkan selalu rosak, adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menjual kapal tersebut dan menggantikannya dengan sebuah helikopter yang juga boleh digunakan oleh APMM untuk rondaan udara; dan
- (b) mengapakah kerosakan ini terus berlaku dan apakah tindakan serius yang diambil oleh Kerajaan.

8. PR-1251-L48198

Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sama ada KeTTHA bercadang meminda RUU Bekalan Elektrik 1990 untuk memastikan pembangunan premis haram (tidak mendapat KM- Kebenaran Merancang) atau kelangsungan aktiviti haram dapat dikawal oleh PBT.

9. PR-1251-L48133

Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan langkah-langkah drastik bagi menangani kegiatan pembalakan haram di negara ini sehingga menyebabkan Kerajaan menanggung kerugian sebanyak RM800 hingga RM900 juta setiap tahun seperti yang dilaporkan oleh Transparency International Malaysia awal Februari 2012 lalu.

10. PR-1251-L48543

Dato' Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berdasarkan sistem data bank eKasih berapa bilangan isi rumah yang didaftar di bawah kategori miskin tegar, miskin, mudah miskin dan terkeluar (melepas threshold) di negeri-negeri Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu, Pahang, Sabah dan Sarawak.

11. PR-1251-L47844

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah jalan kampung untuk menyambungkan bahagian utara Pulau Bruit dengan bahagian selatan dapat dimulakan bagi memudahkan perjalanan pergi balik bagi murid-murid Sekolah Menengah Berasrama yang telah diluluskan untuk dibina oleh Kerajaan di bahagian selatan Pulau Bruit memandangkan Pulau Bruit mempunyai keluasan sebesar Singapura.

12. PR-1251-L48881
Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah Kerajaan boleh menjamin pulangan tetap dan kedudukan komplian syariahnya Skim Amanah Rakyat 1Malaysia (SARA1M) yang khusus untuk golongan berpendapatan kurang dari RM3,000 sebulan dengan pulangan yang dijamin sebanyak RM13,500 dalam masa 5 tahun, pada setiap pembelian saham 5,000 unit saham pada harga RM1 seunit.
13. PR-1251-L48159
Datuk Abd. Rahman bin Bakri [Sabak Bernam] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian bagi mendorong penerbitan drama dan filem yang dapat menyumbang dalam membangunkan semangat patriotisme di kalangan rakyat Malaysia dan nyatakan langkah Kementerian bagi mengurangkan drama dan filem tayul dan sebagainya.
14. PR-1251-L47564
Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah cadangan Kerajaan untuk membangunkan Skim Saran 1Malaysia yang dikatakan sebagai skim pelaburan amanah yang boleh menjamin tabungan di kalangan rakyat Malaysia serta berapakah jangkaan nilai keseluruhan dan kadar keuntungannya.
15. PR-1251-L47281
Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:-
- (a) langkah segera Kerajaan dalam mengatasi kerosakan serta permukaan berlubang-lubang Lebuhraya Sandakan-Kota Kinabalu-Tawau, Sabah; dan
 - (b) adakah Kementerian bercadang menaik taraf lebuhraya sedia ada Kota Kinabalu-Sandakan-Tawau.
16. PR-1251-L48611
Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik rakyat yang hidup sebagai gelandangan di negara ini dan apakah langkah-langkah yang diambil bagi memastikan masa depan mereka terbaik. Apakah ada sistem sokongan yang efektif bagi menangani masalah ini.
17. PR-1251-L47483
Datuk Md.Sirat bin Abu [Bukit Katil] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia & Memperkuuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI) yang dilaksanakan bermula tahun 2012 merupakan proses penambahbaikan berterusan dasar pendidikan negara. Setakat ini, sejauh manakah perkembangan MBMMBI yang telah dijalankan.

18. PR-1251-L48087
Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan hasil kajian terhadap tahap keselamatan Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin (SSMZA) Kuala Terengganu serta laporan yang menyatakan stadium tersebut tidak selamat untuk digunakan.
19. PR-1251-L48271
Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [Hulu Selangor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pencapaian 6 Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) sejak ia di wujudkan pada tahun 2009 sehingga kini dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mewarwarkan pencapaian tersebut kepada rakyat.
20. PR-1251-L48938
Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan tentang penyakit dan perosak padi seperti bena perang, siput gondang, ulat ratus dan karah, adakah Kerajaan bercadang mengatasi masalah ini dengan bantuan tanpa racun seperti bahan mesra alam dan lebih selamat selain daripada sumber racun yang boleh memberi kesan sampingan kepada pengguna.
21. PR-1251-L47180
Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik pekerja asing mengikut warga negara dan sektor bagi tahun 2008, 2009, 2010, 2011 dan suku tahun pertama 2012.
22. PR-1251-L48747
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah dan bentuk hubungan dagangan Malaysia dengan Israel dan nyatakan sejauh mana Malaysia mengambil bahagian dalam sekatan dagangan terhadap Republik Islam Iran.
23. PR-1251-L48165
Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada penilaian dibuat dari segi kualiti sumbangan pendatang asing di negara ini dibuat, misalnya bilangan pendatang yang datang untuk bekerja dan juga untuk belajar di Malaysia dan dari segi ancaman yang kemungkinan boleh berlaku akibat dari bilangannya yang terlalu ramai.
24. PR-1251-L48415
Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah wujud garis panduan di peringkat pihak berkuasa agama seperti JAKIM dan lain-lain tentang kehadiran pemimpin-pemimpin negara yang beragama Islam ke program-program keagamaan anjuran agama-agama lain.

25. PR-1251-L47767
Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam mempertingkatkan keboleh upayaan pelabuhan dan dermaga di negara ini untuk menampung keperluan sektor perkapalan termasuklah di dalam bidang pembaik pulihan kapal yang semakin kompetitif.
26. PR-1251-L47342
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah bilangan "saudara baru" yang memeluk agama Islam dan murtad dari tahun 2000 hingga 2010.
27. PR-1251-L48034
Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimana sambutan rakyat terhadap Klinik 1Malaysia yang diwujudkan di beberapa tempat seluruh negara. Bolehkah dinyatakan jumlah mereka yang menggunakan kemudahan ini, dan pecahannya mengikut negeri.
28. PR-1251-L48833
Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah penambahan jumlah pemilih di setiap kawasan Parlimen pada setiap suku sepanjang tahun 2011 dan juga nyatakan pihak manakah yang mendaftarkan pemilih tersebut.
29. PR-1251-L49101
Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peranan berterusan Petroleum Nasional Berhad (Petronas) dalam memangkin Labuan menjadi hab minyak dan gas negara.
30. PR-1251-L47811
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilangan pelajar bukan Cina yang bersekolah di SRJK Cina di setiap negeri dan cadangan untuk membina sekolah SRJK Cina di kawasan Parlimen Bukit Bintang bagi mengatasi masalah kepadatan bilik darjah.
31. PR-1251-L48598
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan proses pembelian enam kapal peronda generasi kedua (Second Generation Patrol Vessel-SGPV) pada Februari tahun lalu dengan harga RM6 bilion sedangkan Filipina didedahkan telah membeli kapal jenis sama tetapi sedikit besar dengan harga hanya RM32.7 juta. Adakah pembeliannya melalui proses tender terbuka. Jika ya, berapakah syarikat yang menyertainya.
32. PR-1251-L47699
Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tentang Skim Pembentangan Khas bagi membantu rakyat yang berminat memiliki rumah di kawasan ibu negara yang akan dikendalikan oleh Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Yayasan Wilayah Persekutuan dengan dana pembentangan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

33. PR-1251-L47964
Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan siapakah yang diberi tanggungjawab oleh Kementerian untuk menjalankan tugas-tugas penyelenggaraan balai-balai polis di seluruh negara. Berapakah peruntukan yang disediakan bagi tujuan ini.
34. PR-1251-L48493
Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh manakah Permuafakatan Badan Ilmiah Nasional (PEMBINA) mampu mengesan lepasan sekolah yang gagal meneruskan pengajian peringkat tinggi atau tercicir daripada persekolahan untuk mendapatkan latihan kemahiran sewajarnya.
35. PR-1251-L48524
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa Kementerian mengambil masa berpuluhan-puluhan tahun untuk memproses dan meluluskan permohonan kewarganegaraan. Adakah Kerajaan mempunyai kriteria kelulusan yang telah ditetapkan atau ia mengikut budi bicara mutlak pihak Kementerian.
36. PR-1251-L48575
Tuan Wong Ho Leng [Sibu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan permintaan yang dibuat oleh Kerajaan Sarawak untuk mengkaji semula royalti 5% minyak dan gas sejak tahun 1970-an. Mengapa kadar tersebut tidak pernah dinaikkan bagi Sarawak sejak tahun 1970-an.
37. PR-1251-L47944
Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil terhadap golongan yang berusaha mencetuskan ketegangan kaum di negara ini.
38. PR-1251-L47327
Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan pendirian sebenar Kerajaan Malaysia dalam soal bantuan kepada Sekolah Agama Rakyat (SRA dan SMAR), pada dasarnya Kerajaan tidak memasukan bajet sekolah-sekolah ini dalam Belanjawan Negara tetapi mutakhir ini (hampir pilihan raya) Menteri Pelajaran turun memberi bantuan kepada Sekolah-sekolah ini. Adakah ini bantuan pilihan raya atau bantuan untuk kemajuan sekolah-sekolah Agama Rakyat ini, sampai bilakah dasar ini akan berterusan.
39. PR-1251-L47529
Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago [Klang] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan logik dan rasional di bawah keputusan Kementerian untuk tarik balik buku sastera Interlok daripada digunakan di sekolah-sekolah selepas pembelanja RM 10 juta.
40. PR-1251-L48914
Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan [Padang Serai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik kematian di Hospital Kulim Hi Tec sejak tahun 2010 sehingga sekarang dan punca kematian serta langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk memastikan kadar kematian pesakit di hospital adalah rendah.

41. PR-1251-L48461
Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan, jumlah, pecahan mengikut bangsa secara statistik golongan profesional di negara ini yang telah berjaya dan memilih untuk berkhidmat di negara luar serta pecahan mengikut bidang masing-masing serta apakah terdapat sebarang usaha bukan sahaja untuk membawa mereka pulang namun untuk menjalin kerjasama dalam membangunkan negara.
42. PR-1251-L48847
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa peratuskah kenaikan gaji bagi Kumpulan JUSA dan premier dalam Sistem Saran Baru Perkhidmatan Awam (SBPA).
43. PR-1251-L47868
Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah projek By-Pass Pasir Mas akan dilaksanakan dan apakah reka bentuk sudah disiapkan serta anggaran kos perbelanjaan bagi projek tersebut.
44. PR-1251-L48316
Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:-
 - (a) pinjaman dan geran yang telah diberikan kepada Projek Berimpak Besar selain National Feedlot Centre (NFC) seperti Pembangunan Zon Industri Akuakultur (ZIA), Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Pembangunan Usahawan Industri Asas Tani (UIAT) dan Ladang Kontrak; dan
 - (b) status perkembangan projek-projek tersebut berbanding sasaran.
45. PR-1251-L47584
Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab simpanan KWSP yang bernilai RM1.5 bilion digunakan sebagai dana pinjaman untuk pembelian projek perumahan awam serta bagaimanakah syarat-syaratnya dianggap memihak kepada KWSP.
46. PR-1251-L47573
Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kriteria yang diguna pakai dalam menilai prestasi penjawat awam untuk menerima Anugerah Khidmat Cemerlang dan Perkhidmatan Terpuji memandangkan ia tidak lagi mencerminkan hasrat kewujudan anugerah tersebut apabila pemilihan dibuat mengikut senioriti dan bukan atas dasar kecemerlangan prestasi penerima anugerah.
47. PR-1251-L48235
Dato' Taib Azamuddin bin Md Taib [Baling] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah syarikat Bumiputera yang dikenal pasti sebagai Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi (TERAS) di bawah Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) yang telah ditubuhkan pada 2 Februari 2011.

48. PR-1251-L48482
Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tahap pencapaian NKRA sehingga kini dan menyatakan secara statistik kesannya kepada rakyat hingga sekarang.
49. PR-1251-L47678
Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [Kota Tinggi] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bagaimanakah peranan dan langkah yang akan dilaksanakan oleh 'Gerakan Wassatiyah Antarabangsa' (yang diilhamkan oleh YAB sendiri) untuk melahirkan persefahaman di antara tamadun bagi menentukan kesederhanaan dianut oleh semua golongan masyarakat di dalam dan luar negara.
50. PR-1251-L47713
Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed [Sepang] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan jumlah buku yang diterbitkan bagi tahun 2010 dan 2011 serta nyatakan langkah Kerajaan bagi meningkatkan penerbitan buku khususnya karya dari golongan muda terutamanya graduan Institusi Pengajian Tinggi (IPT).
51. PR-1251-L48341
Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah mangsa pemerdagangan manusia dalam negara serta keberkesanan usaha membanteras jenayah ini sejak akta berkaitan dikuatkuasakan.
52. PR-1251-L47412
Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjung Malim] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-
 - apakah kriteria telus yang diguna pakai oleh Kementerian dalam menentukan sesebuah sekolah layak diklasifikasikan sebagai Sekolah Berprestasi Tinggi (*High Performing Schools*); dan
 - adakah Kementerian berhasrat untuk memperkenalkan pelaksanaan inisiatif yang menyeluruh untuk meningkatkan pembangunan holistik sistem pelajaran negara supaya sasaran untuk mencapai 100 buah Sekolah Berprestasi Tinggi pada akhir tahun 2012 dapat dicapai.
53. PR-1251-L47381
Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Republik Rakyat China dan Kesatuan Eropah (EU) memberi sokongan terbuka terhadap Gerakan Kesederhanaan Global yang dicetuskan oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak.
54. PR-1251-L48512
Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan justifikasi dan sebab pembatalan perjalanan Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) ke destinasi KL Bandung, KL-Dubai, KL-Johannesburg dan beberapa laluan lain.

55. PR-1251-L48002
Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:-
- (a) mengapa AirAsia telah menghentikan penerbangan antarabangsa ke Paris dan London; dan
 - (b) mengapa Firefly telah menghentikan penerbangan ke negeri Sarawak dan Sabah.
56. PR-1251-L47258
Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah insentif Kerajaan kepada kedai-kedai makanan yang menyahut seruan Kerajaan untuk menyediakan menu 1Malaysia yang berkualiti dan murah kepada para pelanggan.
57. PR-1251-L47830
Datuk Ir Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan kadar radioaktif yang diwarwarkan oleh pihak tertentu yang dikatakan mengeluarkan bahan radioaktif yang membahayakan kesihatan dan alam sekitar. Nyatakan juga adakah projek LYNAS mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) dan berapakah had radiasi yang diluluskan untuk projek itu.
58. PR-1251-L48084
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan Persekutuan bersedia untuk membantu mewujudkan rumah mampu milik (*Affordable Home*) di Pulau Pinang.
59. PR-1251-L48958
Datuk Dr Tekhee @ Tiki anak Lafe [Mas Gading] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kenapa kontraktor tempatan yang setaraf dengan kontraktor dari luar negeri Sarawak dipinggirkan untuk kontrak membuat/memasang “*prosthetic*”.
60. PR-1251-L49082
Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Putih] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengadakan pembentangan khas di Parlimen berkenaan pembangunan perikanan Tok Bali memandangkan projek ini adalah antara ikon pembangunan perikanan negara pada masa depan.
61. PR-1251-L48189
Datin Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dalam usaha untuk meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (*gross domestic product*) di bawah program transformasi ekonomi, apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan kestabilan alam sekitar dan pemulihan kepelbagaiannya biologi.

62. PR-1251-L47871
Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini Jalan Raya Central Spine dari Bentong Pahang ke Gua Musang, Kelantan.
63. PR-1251-L47922
Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapakah jumlah pengambilan Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) untuk Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan dan Program Diploma Perguruan Lepasan Ijazah.
64. PR-1251-L47724
Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah kos pembinaan dan jumlah pelajar Kolej Kemahiran Tinggi Mara Balik Pulau.
65. PR-1251-L47551
Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan:-
(a) status pembinaan Loji Pembersihan Baru di Sarikei; dan
(b) perkembangan terbaru penambah baikan Loji Pembersihan di Bayong baru-baru ini berikutan ketidakfungsian 3 mesin lama dan rancangan penukaran paip HDEP daripada jenis AC di seluruh bahagian Sarikei.
66. PR-1251-L48602
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah tindakan Kerajaan Persekutuan untuk mengurangkan kadar tol di kawasan Puchong dan sama ada terdapat jalan-jalan baru yang akan dibina merentasi kawasan Puchong dan sekiranya ada tol dan jika ada, berapa harga yang dicadangkan dan untuk jangka masa berapa lama.
67. PR-1251-L48322
Datuk Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah pertikaian sempadan dengan Indonesia di mana nelayan-nelayan kita yang menjadi mangsa.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

- * Rang Undang-undang Kesalahan Pilihan Raya (Pindaan) 2012.

2. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

- * Rang Undang-undang Jasa Perkasa Persekutuan (Elaun Kenangan) 2012.

3. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

- * Rang Undang-undang Pingat Tentera Udara (Elaun Kenangan) 2012.

4. **Menteri Pengajian Tinggi**

- * Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2012.

5. **Menteri Pengajian Tinggi**

- * Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2012.

6. **Menteri Pengajian Tinggi**

- * Rang Undang-undang Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Pindaan) 2012.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan di bawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Menyambung semula pertimbangan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2011) 2012 (D.R. 3/2012) dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2011 seperti berikut:-**

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak satu bilion sembilan ratus sembilan puluh sembilan juta empat ratus tujuh ribu dan dua ringgit (RM1,999,407,002) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2011 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2011 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2012 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut.”

Dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis (5 April, 2012)

- | | | | |
|----|---------------|---|-----------------------------------|
| 2. | (D.R. 6/2012) | Rang Undang-undang Laporan Kewangan
(Pindaan) 2012 | Bacaan Kali
Yang Kedua |
|----|---------------|---|-----------------------------------|
- [Kementerian Kewangan]**
-
- | | | | |
|----|---------------|--|---|
| 3. | (D.R. 5/2012) | Rang Undang-undang Syarikat Labuan
(Pindaan) 2012 | “ |
|----|---------------|--|---|
- [Kementerian Kewangan]**
-
- | | | | |
|----|---------------|---|---|
| 4. | (D.R. 7/2012) | Rang Undang-undang Cukai Pendapatan
(Pindaan) 2012 | “ |
|----|---------------|---|---|
- [Kementerian Kewangan]**
-
- | | | | |
|----|----------------|--|---|
| 5. | (D.R. 37/2009) | Rang Undang-undang Cukai Barang dan
Perkhidmatan 2009 | “ |
|----|----------------|--|---|
- [Kementerian Kewangan]**

6. PR-1251-U47225

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa oleh kerana fenomena pemanasan global cuaca pada hari ini tidak lagi dapat diramal malah kejadian banjir kilat berlaku kian kerap." Dan mengambil maklum bahawa keadaan sungai yang telah menjadi cetek disebabkan oleh aktiviti alam semula jadi dan aktiviti manusia telah memburukkan lagi keadaan ini. Dan mengambil maklum juga kebanyakan sungai-sungai tidak di senggara dengan baik dan ini juga menyumbang kepada berlakunya banjir dan banjir kilat. Juga mengambil maklum bahawa, setiap kali banjir dan banjir kilat berlaku, terutama sekali di kawasan Putatan, maka setiap kali juga ianya mendatangkan kesengsaraan dan kerugian harta benda kepada rakyat. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, melalui Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk mengambil tindakan serta merta untuk memulihkan dan memperdalamkan sungai-sungai yang terdapat di kawasan Parlimen Putatan supaya kejadian banjir dan banjir kilat dapat dielakkan."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

7. PR-1251-U47226

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa hubungan diplomatik Malaysia - Indonesia kerap kali berada dalam keadaan panas." Dan mengambil maklum bahawa "keadaan panas" ini memburukkan lagi oleh hasutan pihak-pihak tertentu sama ada dari Malaysia ataupun Indonesia. Dan mengambil maklum juga bahawa "keadaan panas" ini juga diburukkan lagi dengan isu-isu rentas sempadan, misalnya pertindihan sempadan, pencerobohan nelayan kedua-dua belah pihak dan lain-lain lagi isu. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, bahawa mengatasi "keadaan panas" ini, satu jawatankuasa khas antara Parlimen Malaysia dan dewan perwakilan rakyat Republik Indonesia hendaklah ditubuhkan untuk menguruskan semula hal-hal yang boleh mengeratkan lagi hubungan dua-hala Malaysia-Indonesia."

(Menteri Luar Negeri)

8. PR-1251-U47227

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa pada masa ini, negara banyak bergantung dengan bekalan beras import bagi keperluan bekalan beras negara." Dan mengambil maklum bahawa ada kalanya bekalan ini terjejas apabila negara pembekal menghadapi bencana alam misalnya negara Thailand dan Vietnam yang dilanda banjir baru-baru ini di mana kebanyakan jelapang padi mereka musnah. Dan mengambil maklum juga bahawa di negeri Sabah amnya dan kawasan Parlimen Putatan khasnya, terdapat banyak tanah sawah-sawah padi yang terbiar yang mempunyai potensi untuk dibangunkan. Juga mengambil maklum bahawa,

kebanyakannya pemilik tanah sawah terbiar ini adalah dahulunya pesawah-pesawah padi dan ketika ini kebanyakannya sawah-sawah mereka ini tidak lagi diusahakan kerana pemilik tadi telah pun menjangkau usia lanjut dan tidak lagi bertenaga untuk mengusahakan sawah-sawah mereka. Juga mengambil maklum bahawa, sekiranya pemilik-pemilik sawah terbiar tadi dapat disatukan dalam koperasi, maka tanah sawah tadi boleh dibangunkan dan dapat menyumbangkan kepada pengurangan import beras negara. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, bahawa Kerajaan mencari mekanisma khusus untuk menubuhkan koperasi khas dengan pemilik tanah sawah yang maksudkan supaya ianya bukan sahaja dapat menghasilkan beras keperluan negara, malah boleh meningkatkan ekonomi penduduk setempat melalui keuntungan yang dijana melalui koperasi itu kelak."

(Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani)

9. PR-1251-U47228

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa, kebanyakan pelajar yang cemerlang dalam mana-mana peperiksaan persekolahan di negara ini adalah datangnya dari kalangan murid yang berkeluarga mampu atau lebih jelas lagi mereka yang mampu untuk menghantar anak-anak mereka ke kelas bimbingan atau tuisyen." Dan mengambil maklum bahawa, sementara kebanyakan mereka yang kurang cemerlang atau terkandas dalam mana-mana peperiksaan persekolahan adalah dari kalangan mereka yang kurang dan tidak berkemampuan atau lebih jelas lagi dari kalangan keluarga miskin. Dan mengambil maklum juga bahawa kebanyakan murid-murid yang terkandas ini juga berpotensi untuk cemerlang sekiranya mereka diberikan ruang dan peluang yang secukupnya terutama sekali dari segi sokongan pembelajaran. Juga mengambil maklum bahawa, oleh kerana kemiskinan yang dilalui, kebanyakan murid-murid yang kurang cemerlang dan yang terkandas ini tidak mempunyai tempat belajar yang sesuai untuk pembelajaran di rumah mereka. Serta mengambil maklum juga bahawa, masih terdapat banyak rakyat Malaysia yang prihatin dan sanggup melakukan kerja-kerja kesukarelaan dan dalam hal pembelajaran ini, ada juga antara mereka yang sanggup untuk menjadi tutor secara percuma demi untuk kecemerlangan kampung masing-masing. Kekangan program komuniti ini adalah ketiadaan tempat untuk belajar. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk mendirikan balai raya khusus - Pusat Pembelajaran di setiap kampung dan diuruskan oleh pihak JKKK di mana murid-murid dari kampung setempat itu boleh menyiapkan kerja rumah dan ulang kaji di pusat pembelajaran yang dimaksudkan tersebut."

(Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah)

10. PR-1251-U48413

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan pelbagai subsidi yang telah dihulurkan oleh Kerajaan Pusat setiap tahun. Dewan juga mendebatkan pembaziran dan penyelewengan yang disyaki berlaku dengan berpuluhan bilion ringgit yang diperuntukkan."

(Menteri Kewangan)

11. PR-1251-U48414

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan berbagai-bagai faktor yang kena-mengena dengan kira-kira 400,000 guru di negara ini. Bahawa Dewan ini juga meneliti cara-cara pengambilan para calon di institusi perguruan dan penghantaran para graduannya kepada hampir 10,000 sekolah."

(Menteri Pelajaran)

12. PR-1251-U47503

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan dengan seriusnya mengenai fakta-fakta peristiwa untuk bahan sejarah dan bukan hanya sebagai rekod sejarah tetapi amat penting untuk dijadikan mata pelajaran di sekolah supaya generasi muda mendapat pengetahuan/fakta-fakta yang betul. Contohnya seperti fakta penubuhan negara Malaysia yang sesungguhnya bukanlah kemasukan Sabah dan Sarawak dalam Malaysia pada 16 September 1963, tokoh pejuang seperti Mat Salleh dan peristiwa tragedi nahas kapal terbang terhempas pada 6 Jun 1976 yang mengorbankan Ketua Menteri dan beberapa orang Menteri Kabinet Sabah."

(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)

13. PR-1251-U47504

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memandang serius dengan rampasan-rampasan tanah di seluruh negara khasnya di Sabah oleh pihak-pihak tertentu bagi perusahaan pertanian sehingga hasil pendapatan tanaman dan rumah kediaman rakyat yang mempunyai hak asasi anak negeri di Sabah telah dirampas tanpa pertimbangan dan paling menyukarkan rakyat apabila pihak-pihak tertentu tersebut dibantu oleh penguat kuasa Kerajaan."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

14. PR-1251-U47505

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini memandang serius terhadap pembinaaan rumah-rumah bertingkat (PPR) dengan jumlah yang besar sehingga melebihi 1,000 unit di satu-satu tempat tanpa penyediaan keperluan asas seperti bekalan air, elektrik dan jalan raya serta kesesuaian lokasinya. Kerajaan seharusnya mengambil tindakan serius agar sosial, budaya dan adat resam rakyat tidak diketepikan serta kesihatan dan keselamatan haruslah dipertingkatkan."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

15. PR-1251-U47506

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil perhatian serius dengan peningkatan penduduk yang luar biasa di Sabah bermula pada tahun 1970 hingga 2010 berbanding dengan kepadatan penduduk di seluruh negara khasnya negeri jiran di Sarawak di mana statistik pertumbuhan penduduk yang diperoleh, melalui jawapan dari Jabatan Perdana Menteri pada 16 Mac 2011 adalah seperti berikut:

Tahun	Malaysia	Sarawak	Sabah
1970	10,439,430	976,269	636,431
1980	13.1 juta	1.2 juta	1,011,040
1991	17.6 juta	1.6 juta	1,734,685
2000	22,202,614	2,012,616	2,488,348
2010	27,565,821	2,420,009	3,120,040
Kenaikan	17,126,391	1,433,740	2,483,609
Kenaikan %	165%	148%	390%

(40 tahun) Maka itu, kenaikan penduduk yang melambung tinggi di Sabah tentunya ada punca dan sebab yang sangat luar biasa jika dibandingkan dengan negeri Sarawak yang mempunyai bentuk keadaan geografinya agak mencabar berbanding dengan Sabah."

(Perdana Menteri)

16. PR-1251-U47831

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini bersetuju supaya Kerajaan melaksanakan pengalihan jajaran MRT dari Jalan Sultan ke jajaran Stesen Pasar Seni ke Plaza Rakyat melalui Jalan Tan Cheng Lock memandangkan ianya akan menyelamatkan bangunan-bangunan lama di Jalan Sultan, Kuala Lumpur dari dirobohkan supaya dijadikan bangunan warisan, dan boleh memulihkan Plaza Rakyat yang terbengkalai masakini untuk dijadikan hab pengangkutan awam."

(Perdana Menteri)

17. PR-1251-U47832

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini bersetuju pilihan raya Kerajaan Tempatan hendaklah dipulihkan semula termasuk pemilihan Datuk-datuk Bandar bagi memenuhi hasrat dan inspirasi rakyat untuk memilih Kerajaan Tempatan sendiri."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

18. PR-1251-U47745

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini hendaklah mengambil maklum dan menggesa Menteri Sumber Manusia untuk menetapkan gaji minimum dengan segera"."

(Menteri Sumber Manusia)

19. PR-1251-U47751

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini hendaklah mengambil maklum dan menggesa Menteri Pelajaran mengambil tindakan dengan segera membina enam buah sekolah baru yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri baru-baru ini dan juga mengambil tindakan untuk meluluskan dan mendirikan sekolah baru Tamil dan Cina di bandar-bandar."

(Menteri Pelajaran)

20. PR-1251-U47366

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengkaji serta pembinaan parkir bertingkat di kesemua kawasan hospital yang memerlukan seperti Hospital Kajang, Serdang."

(Menteri Kesihatan)

21. PR-1251-U47368

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengkaji serta membina parkir bertingkat di Putrajaya di kawasan pejabat-pejabat Kerajaan."

(Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar)

22. PR-1251-U47369

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengkaji serta melaksanakan supaya dibuka semula lorong tambah nilai di tol utama dan juga mengurangkan kadar bayaran komisyen touch & go."

(Menteri Kerja Raya)

23. PR-1251-U47371

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar diberikan kelonggaran kepada pencarum KWSP yang mengalami muflis dapat mengeluarkan wang caruman mereka bagi menyelesaikan hutang mereka walaupun mereka belum mencapai had umur 55 tahun."

(Menteri Kewangan)

24. PR-1251-U47373

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum memandangkan kesukaran mendapatkan bantuan untuk memelihara anak, ramai wanita berkerjaya telah mengambil keputusan untuk menjadi suri rumah tangga sepenuh masa. Maka dicadangkan supaya suatu bentuk insentif yang boleh pihak kerajaan lakukan sebagai mengenang jasa mereka. Sebagai contoh, pengurangan cukai yang lebih banyak untuk keluarga berkenaan, pengangkutan awam percuma atau pun mungkin rawatan hospital percuma."

(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)

25. PR-1251-U47374

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyedari bagi memastikan setiap rakyat mendapat pembelaan, Kerajaan memperuntukkan jumlah wang yang sangat besar. Namun kita dapat subsidi yang dikeluarkan, turut dinikmati oleh mereka yang tidak sepatutnya seperti mereka yang berpendapatan tinggi dan para pekerja asing dalam negara. Maka dengan ini adalah dicadangkan supaya satu mekanisma yang sama untuk minyak diguna pakai utk pembelian beras dan gula. Ini kerana jika dapat dilakukan, penjimatan yang diperolehi dari subsidi ini boleh digunakan utk membantu yang lain seperti mengadakan insentif yang lebih baik untuk suri rumah tangga, para pesara dan kanak-kanak sekolah."

(Menteri Kewangan)

26. PR-1251-U47291

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mengutuk tindakan YB Ketua Pembangkang yang juga Ahli Parlimen Permatang Pauh yang membuat kenyataan "menyokong sebarang usaha melindungi keselamatan rejim Israel" yang disiarkan oleh media Wall Street Journal baru-baru ini yang mana kenyataan itu jelas bercanggah dengan pendirian hampir kesemua gerakan Islam; merupakan satu pengkhianatan kepada Islam dan nilai kemanusiaan sejagat; dan mengkhianati perjuangan, kebajikan, kepentingan dan keselamatan rakyat dan negara Palestin dan bercanggah dengan pendirian Kerajaan dan rakyat Malaysia selama ini yang bukan sahaja tidak mengiktiraf rejim zionis Israel, malah tidak mengadakan sebarang hubungan diplomatik dengan rejim Israel dan melarang secara rasmi mana-mana warganegara Malaysia daripada memasuki negara rejim Israel ini."

(Menteri Luar Negeri)

27. PR-1251-U47292

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan mengambil langkah supaya Jadual 9 Senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan membuang perkataan seperti berikut:- "tetapi tidak mempunyai bidangkuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan" dan diganti dengan perkataan berikut; "dan mempunyai bidangkuasa mengenai apa-apa jua kesalahan jenayah syarie dan lain-lain yang ditetapkan atau diperuntukkan di dalam dan menurut hukum syara' dan undang-undang Islam (termasuk hudud, qisas dan ta'zir) termasuk membicarakan, memutuskan dan menghukum mana-mana orang Islam yang berkenaan menurut sabitan dan hukuman yang ditetapkan oleh hukum syara' dan undang-undang Islam serta melaksana dan menguatkuaskan apa jua hukuman dan/ atau perintah yang dikeluarkannya.

Dan proviso kepada Seksyen 2, Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) hendaklah dipinda bersesuaian dengan pindaan kepada Jadual 9 Senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan seperti yang dinyatakan di atas dan hendaklah berbunyi seperti berikut: Mahkamah Syariah tersebut hendaklah mempunyai bidang kuasa mengenai apa-apa jua kesalahan jenayah syarie dan lain-lain yang ditetapkan atau diperuntukkan di dalam dan menurut hukum syara' dan undang-undang Islam (termasuk hudud, qisas dan ta'zir) termasuk membicarakan, memutuskan dan menghukum mana-mana orang Islam yang berkenaan menurut sabitan dan hukuman yang ditetapkan oleh hukum syara' dan undang-undang Islam serta melaksana dan menguatkuasakan apa jua hukuman dan/ atau perintah yang dikeluarkannya. Bahawa Dewan ini mengambil maklum umat Islam wajib melaksanakan syariat Islam termasuk undang-undang jenayahnya seperti hudud, qisas dan ta'zir tanpa sebarang pengubahaan dan pindaan seperti yang berlaku sekarang dan Dewan mengambil maklum bahawa kegagalan melaksanakan sistem perundangan Islam sepenuhnya ini akan boleh membatalkan aqidah umat Islam."

(Perdana Menteri)

28. PR-1251-U47293
Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 4 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan): Perlembagaan ini adalah undang-undang utama Persekutuan dan, kecuali undang-undang dan syariat Islam, apa-apa undang-undang yang diluluskan berlawanan dengan Perlembagaan ini dan undang-undang Islam atau hukum syara' hendaklah terbatal setakat ianya berlawanan itu. "Bahawa Dewan mengambil maklum bahawa banyak keadaan di mana hukum syara' dan syariat Islam telah terbatal dan atau tidak dapat dilaksanakan kerana Artikel 4 Perlembagaan Persekutuan ini yang meletakkan undang-undang negara mengatasi semua undang-undang dan peraturan lain termasuk undang-undang serta syariat Islam seperti pengharaman pemakaian serban di sekolah-sekolah kebangsaan, pemakaian purdah dan jilbab di jabatan-jabatan kerajaan, perlaksanaan undang-undang syarak seperti khawat, zina, qazaf yang bercanggah dengan hukum syara' dan lain-lain."

(Perdana Menteri)

29. PR-1251-U47294
Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah segera untuk mengesahkan dan mengisyiharkan bahawa Malaysia bukan negara sekular seperti India sebaliknya sebuah negara yang mengamalkan dwi-sistem (sistem perundangan hybrid) iaitu dengan meminda Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan):

Islam adalah agama bagi Persekutuan termasuk dari segi undang-undang dan syariatnya. Bahawa Dewan mengambil maklum bahawa keputusan Mahkamah di dalam kes Che Omar Che Soh. Pendakwa raya dan Jamaluddin Osman. Menteri Dalam Negeri telah banyak diputarbelit dan disalahtafsir oleh golongan tertentu untuk memberi gambaran kononnya Malaysia adalah negara sekular sedangkan hakikatnya Malaysia bukanlah negara sekular sebaliknya negara yang meletakkan Islam sebagai agama bagi Persekutuan, maka dengan pindaan kepada Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan seperti yang dicadangkan akan memperjelaskan perihal kedudukan status negara ini tanpa sebarang keraguan lagi."

(Perdana Menteri)

30. PR-1251-U47295
Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya meminda Akta Mahkamah Keadilan 1964 (Courts of Judicature Act 1964) (Akta 91) dengan memasukkan peruntukan baru di Seksyen 4 seperti berikut:- Seksyen 4A: Di dalam keadaan dimana terdapat isu dan/ atau pertikaian membabitkan dan atau melibatkan agama Islam dari segi aqidah, kepercayaan, hukum-hakam, syariat dan/atau apa juga persoalan mengenai Islam, maka Mahkamah wajiblah merujuk isu, persoalan dan/ atau pertikaian itu kepada Mahkamah Syariah untuk suatu keputusan atau penghakiman; dan semua prosiding hendaklah ditangguhkan sehingga keputusan atau penghakiman Mahkamah Syariah itu dibuat, dan keputusan atau penghakiman Mahkamah Syariah bagi isu, persoalan dan/ atau pertikaian itu hendaklah mengikut Mahkamah tersebut. Bahawa Dewan menginsafi masalah membabitkan isu, pertikaian atau persoalan mengenai Islam jika diputuskan di Mahkamah sekular berdasarkan undang-undang sivil boleh mencetuskan salah faham dan kekeliruan. Ini berlaku kerana isu dan persoalan membabitkan kefahaman terhadap undang-undang dan syariat Islam dalam konteks syariah dan Islam tidak difahami, dihayati dan diinsafi oleh Mahkamah sekular yang membicara dan memutuskan sesuatu isu tersebut menurut peruntukan undang-undang sivil yang terbatas dan terhad kepada pembicaraan soal perundangan sekular semata-mata, malahan menolak untuk menerima pakai kefahaman syarie dan Islam. Sebenarnya inilah yang telah berlaku di dalam kes Maria Hertogh @ Natrah pada tahun 1950 apabila Mahkamah sivil Singapura yang mengguna pakai undang-undang sivil British menolak untuk menerima pakai undang-undang Islam dan syariatnya dengan menolak aqidah dan keislaman Natrah dan perkahwinan Natrah dengan Almarhum Mansor Adabi yang mana menurut undang-undang Islam dan hukum syara' keislaman dan perkahwinan Natrah adalah sah kerana beliau sudah aqil baligh mengikut hukum syarak dan merupakan seorang mukallaf dan hukum taklif berlaku kepada beliau. Begitu juga di dalam beberapa kes di mana Islam melihat sesuatu isu itu dari segi aqidah, tetapi Mahkamah sekular melihatnya dari sudut istilah dan perundangan sivil. Sekiranya peruntukan seperti yang dicadangkan di atas wujud, maka Dewan menginsafi bahawa isu ini akan dapat diselesaikan dengan baik menurut peruntukan undang-undang yang terpakai bagi isu tersebut."

(Perdana Menteri)

31. PR-1251-U47296

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 11 (1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan): Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan ugamanya, termasuk menukar agamanya kecuali bagi penganut agama Islam yang hendaklah tertakluk kepada undang-undang dan syariat Islam. Bagi maksud penganut agama Islam, soal kemasukan dan kemurtadan dari agama Islam hendaklah ditentukan oleh Mahkamah Syariah yang mempunyai bidang kuasa mutlak ke atasnya. Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa walaupun Mahkamah Persekutuan di dalam beberapa kes termasuk Azlina Jailani @ Lina Joy. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Jabatan Pendaftaran Negara memutuskan bahawa dalam hal ehwal dan permasalahan kemasukan atau kemurtadan daripada Islam hanya Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa dan Mahkamah sekular tidak boleh mempunyai apa-apa bidangkuasa menurut Artikel 121 (1A), namun masih lagi ada pihak yang mempertikaikan dan membawa kes seumpama ini ke Mahkamah sekular di mana dalam kes melibatkan seorang Punjabi Muslim mayatnya terlantar di Hospital Sg. Buloh, Selangor selama sebulan kerana Mahkamah Sivil masih mahu mendengar kes-kes seumpama ini, sedangkan merupakan fardhu kifayah ke atas umat Islam untuk menyegerakan pengurusan dan pengebumian jenazah mana-mana orang Islam yang telah meninggal dunia. Dengan adanya peruntukkan seumpama di atas maka isu seperti ini tidak akan berbangkit lagi."

(Perdana Menteri)

32. PR-1251-U47297

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mendesak supaya Mahkamah sekular yang diwujudkan menurut Artikel 121 Perlembagaan Persekutuan menghormati dan tidak mencampuri hak dan bidang kuasa Mahkamah Syariah yang diperuntukkan menurut Artikel 121 (1A) Perlembagaan termasuk hak dan bidangkuasa mutlak menentukan siapa yang boleh diterima masuk dan didaftarkan sebagai seorang Peguam Syarie. Ini adalah kerana kalau Mahkamah sekular tersebut mencampuri urusan hak dan bidangkuasa Mahkamah Syariah dalam penentuan kemasukan dan pendaftaran peguam syarie, apakah itu bermakna Mahkamah Syariah boleh mencampuri urusan hak dan bidangkuasa Mahkamah sekular untuk penentuan kemasukan dan pendaftaran seseorang peguam sekular di Mahkamah sekular."

(Perdana Menteri)

33. PR-1251-U47298

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mencadangkan supaya undang-undang yang berkaitan dipinda untuk memberi pilihan dan opsyen kepada mana-mana individu beragama Islam yang dikenakan sebarang pertuduhan jenayah untuk memilih forum perbicaraan di Mahkamah Syariah yang berbidangkuasa berdasarkan peruntukan undang-undang yang ada di mana-mana Akta atau Enakmen Syariah seperti pertuduhan liwat dan lain-lain. Ini adalah kerana seorang Muslim berhak untuk dibicarakan menurut undang-undang Islam demi menjaga aqidah dan syariat seseorang Muslim itu."

(Perdana Menteri)

34. PR-1251-U47299

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mencadangkan kepada YAB Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia supaya memberikan anugerah Tokoh Maal Hijrah 1434 (Peringkat Antarabangsa) ataupun Tokoh Perdana Maulidur Rasul 1434 (Peringkat Antarabangsa) kepada saudara Yusuf Islam @ Cat Steven bagi mengenang jasa saudara Yusuf Islam yang telah memberi sumbangan besar kepada usaha menyebarkan risalah Islam dan kerja-kerja dakwah ke seluruh dunia."

(Perdana Menteri)

35. PR-1251-U47300

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mencadangkan kepada YAB Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia supaya memberikan anugerah darjah kebesaran yang membawa gelaran "TUN" secara "post-humous" (dengan izin) kepada Allahyarham Sahibul Fadhilah Sheikh Muhammad Idris Al Marbawi dan Allahyarham Sahibul Fadhilah Sheikh Abdullah Bin Basmeih dan menubuhkan kerusi khas atas nama mereka di mana-mana Universiti terpilih bagi mengenang jasa mereka yang besar kepada usaha memartabatkan dan memajukan pengembangan dakwah dan ilmu Islam melalui karya-karya besar mereka dan lain-lain usaha yang telah mereka lakukan."

(Perdana Menteri)

36. PR-1251-U47301

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mencadangkan kepada YAB Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia supaya memberikan anugerah darjah kebesaran yang membawa gelaran Tan Sri secara "post-humous" (dengan izin) kepada Allahyarham Sasterawan Negara Usman Awang bagi mengenang jasa beliau yang besar kepada usaha memartabatkan dan memajukan bahasa Melayu melalui karya-karya besarnya dan lain-lain usaha yang telah Allahyarham lakukan."

(Perdana Menteri)

37. PR-1251-U47302

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mencadangkan kepada YAB Perdana Menteri, YAB Menteri-Menteri Besar dan Kerajaan Persekutuan serta Kerajaan Negeri supaya melakukan semakan semula senarai penerima anugerah kebesaran persekutuan atau negeri dengan tujuan untuk dilakukan pembersihan termasuk menarik balik dan/ atau membatalkan anugerah dan gelaran yang diberi kepada mereka yang telah dan/ atau pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan jenayah dan yang didaftarkan di Pusat Pendaftaran Penjenayah (*Criminal Registration Center*)."

(Perdana Menteri)

38. PR-1251-U47303

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mencadangkan supaya satu kajian dibuat dengan tujuan menggubal undang-undang yang bersesuaian untuk memansuhkan keperluan mengadakan pilihan raya kecil bagi kerusi yang kosong atau dikosongkan oleh mana-mana wakil rakyat sama ada di peringkat Parlimen ataupun Dewan Undangan Negeri termasuk kemungkinan memberikan kerusi yang kosong atau dikosongkan itu kepada parti yang telah memenanginya semasa pilihan raya umum untuk menentukan calon yang mengganti dan/ atau mengisi kekosongan tersebut. Ini sekaligus dapat mengelakkan keperluan mengadakan pilihan raya kecil yang melibatkan kos yang tinggi dan menyebabkan masyarakat Malaysia terlibat dengan kegiatan politiking tanpa kesudahan."

(Perdana Menteri)

39. PR-1251-U47304

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama semua Kerajaan Negeri supaya melantik seorang Mufti Negara sebagai Ketua bagi dan dengan kuasa dan autoriti mengatasi kesemua Mufti-Mufti dan menjadi Pengerusi bagi Majlis Fatwa Kebangsaan dengan tanggungjawab dan menjawab hanya kepada Yang Di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja. Selanjutnya Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan supaya memberi kuasa dan bidangkuasa jelas kepada Majlis Fatwa Kebangsaan untuk menguatkuasa dan melaksanakan fatwa-fatwa yang dikeluarkannya dan mana-mana orang yang mempersoalkan dan/atau mempertikaikan Fatwa-fatwa tersebut hendaklah dianggap melakukan penghinaan terhadap agama Islam dan diambil tindakan tegas menurut Seksyen 298A Kanun Keseksaan atau di bawah mana-mana undang-undang (Persekutuan atau Negeri)."

(Perdana Menteri)

40. PR-1251-U47305

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil langkah mengiktiraf Palestin sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka mengikut persempadanan sebelum tahun 1967 dan menubuhkan sebuah jawatankuasa caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan masalah Palestin dan menamakan badan ini sebagai "Jawatankuasa Caucus bagi Palestin" dengan melantik YB Kepala Batas (atau mana-mana Ahli Parlimen yang dipertimbangkan sesuai) sebagai Pengerusi Caucus tersebut dan selanjutnya Dewan ini mendesak Kerajaan Mesir supaya membuka semula pintu Rafah dan memberi kebebasan keluar/masuk kepada rakyat Palestin dan tidak menghalang sebarang usaha-usaha bantuan kemanusiaan oleh mana-mana pihak; dan juga mendesak rejim zionis Israel supaya segera mengembalikan hak rakyat Palestin dan mengiktiraf Negara Islam Palestin sebagai negara yang merdeka dan berdaulat dan Baitulmaqdis sebagai ibu negeri Negara Islam Palestin."

(Menteri Luar Negeri)

41. PR-1251-U47306

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas Kabinet dengan segera khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah bersepadau dan berkesan berkaitan dengan hal ehwal masyarakat India dan penganut agama Hindu dengan tujuan untuk memantapkan kedudukan ekonomi mereka dan

hal masalah peribadatan mereka termasuk penyelenggaraan dan pengurusan kuil-kuil mereka dan menyelesaikan permasalahan kewarganegaraan dan kad pengenalan mereka dan dinamakan sebagai Jawatankuasa Khas Kabinet bagi Hal Ehwal Masyarakat India dengan melantik Timbalan Perdana Menteri sebagai Pengerusi Jawatankuasa Khas tersebut."

(Perdana Menteri)

42. PR-1251-U47307

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pelajaran supaya dengan serta-merta menubuhkan sebuah Majlis Buku Negara dengan peruntukan yang mencukupi dan segera menggubal Dasar Buku Negara dan Akta Buku serta mengambil semua langkah yang munasabah dan praktikal untuk membantu, menggalakkan, membangunkan dan memajukan industri buku negara. Selanjutnya Dewan juga membuat ketetapan supaya Dasar Buku Negara seperti yang telah dimaktubkan segera dilaksanakan sepenuhnya dan mencapai matlamat yang disasarkan dalam Dasar Buku Negara tersebut."

(Menteri Pelajaran)

43. PR-1251-U47308

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan supaya mengambil langkah menyiarkan dan mewajibkan siaran azan pada tiap-tiap waktu solat fardu yang lima di kesemua tempat awam tanpa sebarang sekatan dan/atau halangan. Ini adalah kerana sebagai sebuah negara yang meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan seperti yang dimaktubkan oleh Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan, maka adalah penting untuk syiar Islam dimartabatkan."

(Perdana Menteri)

44. PR-1251-U47309

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengambil langkah supaya kesemua banduan dan tahanan yang disabit dan dikenakan hukuman penjara sepanjang hayat hendaklah dikurangkan hukuman penjara tidak melebihi 20 (dua puluh tahun) dan bagi yang telah menjalani hukuman melebihi jumlah 20 tahun tersebut (setelah ditolak cuti dan kelakuan baik) hendaklah dibebaskan dengan serta-merta."

(Menteri Dalam Negeri)

45. PR-1251-U47310

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil langkah mendesak Menteri Pengangkutan supaya mengarahkan dan/atau mengenakan syarat kepada syarikat penerbangan Malaysia Airlines, AirAsia atau mana-mana syarikat penerbangan dalam negeri ini supaya membenarkan kakitangan wanitanya terutama pramugari yang beragama Islam membuat pilihan untuk memakai pakaian-pakaian seragam yang mematuhi hukum syarak termasuk untuk memakai tudung dan pakaian menutup aurat dan boleh memilih untuk tidak menyediakan dan atau menghidangkan arak semasa dalam penerbangan."

(Menteri Pengangkutan)

46. PR-1251-U47311

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Pengangkutan melarang dan/ atau mengenakan syarat kepada syarikat Penerbangan Malaysia supaya menghentikan penjualan arak dan lain-lain minuman keras dan yang memabukkan semasa di dalam penerbangan."

(Menteri Pengangkutan)

47. PR-1251-U47312

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan hanya membenarkan penjualan arak, minuman keras dan yang memabukkan dalam apa bentuk sekalipun hanya di premis-premis khas yang dilesenkan dan hanya khusus untuk masyarakat bukan Islam sahaja; sebagaimana premis khas untuk penjualan nombor ekor, tempat perjudian dan daging babi dan lain-lain; dan tidak melesenkan kedai-kedai runcit atau serbaneka daripada menjual arak dan/ atau apa-apa minuman keras dan yang memabukkan di premisnya. Dewan ini mengambil maklum banyak kes terjadi di mana remaja dan belia beragama Islam yang menyalahgunakan penjualan arak dan minuman beralkohol serta kemudahan kondom di kedai-kedai serbaneka ini untuk kegiatan tidak berakhlik dan bermoral, yang akhirnya membawa kepada timbulnya gejala sosial yang serius seperti kegiatan merempit yang melampau, perzinaan, perogolan dan kesalahan seksual dan kes pembuangan bayi."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

48. PR-1251-U47313

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Perdana Menteri supaya dengan segera mewujudkan Kementerian Hal Ehwal Sabah & Sarawak (atau singkatannya "KHASS") dengan seorang Menteri berjawatan penuh untuk menjaga hal ehwal pembangunan, infrastruktur, kebajikan dan kepentingan rakyat Sabah & Sarawak termasuk memberi portfolio berkaitan Koridor Ekonomi Sabah/ Sarawak, dan kesemua agensi pembangunan Persekutuan mestilah melalui Kementerian ini supaya segala projek pembangunan & infrastruktur di Sabah dan Sarawak dapat diselaraskan dan dikawal selia serta dipantau dengan lebih berkesan."

(Perdana Menteri)

49. PR-1251-U47314

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya mengkaji dan melaksanakan projek membesarkan dan membaikpulih Masjid Jamek Bandaraya Kuala Lumpur termasuk membina mihrab dan mimbar baru yang bersesuaian, menurap keseluruhan tapak Masjid tersebut dengan marmar sebagaimana yang dibuat di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi serta memperkuuhkan bumbung Masjid tersebut agar dapat menampung jemaah untuk mengerjakan solat terutamanya solat Jumaat dan kedua Eidulfitri & Eiduladha memandangkan pertambahan jemaah yang semakin meningkat mutakhir ini."

(Perdana Menteri)

50. PR-1251-U47315

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Sumber Manusia supaya mengeluarkan larangan terhadap mana-mana pembantu rumah asing yang beragama Islam daripada bekerja dengan mana-mana majikan yang bukan beragama Islam. Ini adalah kerana terdapat banyak aduan pembantu-pembantu rumah asing yang beragama Islam yang dipaksa memakai pakaian bercanggah dengan Islam seperti berseluar pendek, memakan makanan dan minuman yang haram seperti babi dan arak, serta dipaksa memandikan dan membela anjing dan tinggal di persekitaran dan suasana yang jelas bercanggah dan/ atau tidak bersesuaian dengan seorang Muslim."

(Menteri Sumber Manusia)

51. PR-1251-U47316

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Kementerian Kewangan supaya membenarkan pencarum KWSP yang beragama Islam mengeluarkan simpanan mereka bagi tujuan mengerjakan ibadah haji bagi diri mereka dan keluarga terdekat sekurang-kurangnya sekali dalam seumur hidup mereka walaupun belum mencapai umur persaraan 55 tahun; Selanjutnya Dewan juga mengambil ketetapan mendesak Kementerian Kewangan supaya segera mengambil langkah memansuhkan Seksyen 167 Akta Insurans dan Peraturan 6 Peraturan KWSP 2001 yang banyak menimbulkan masalah dan disalahgunakan oleh penama yang dinamakan sebagai beneficiari kerana banyak kes di mana penama apabila menerima wang caruman daripada KWSP telah tidak membahagikan wang tersebut menurut syara' dan hukum faraid; atau sebagai alternatif mengenakan syarat kepada pengurusan KWSP supaya wang caruman si mati tidak dibayar kepada penama kecuali mereka telah mengemukakan sijil faraid daripada Mahkamah Syariah dan pembayaran dibuat oleh KWSP terus kepada waris-waris yang dinamakan di dalam sijil faraid yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah yang berbidangkuasa tersebut."

(Menteri Kewangan)

52. PR-1251-U47317

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pertahanan supaya mewujudkan kem-kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang mengambil hanya pelatih wanita sahaja sebagai pilihan bagi mereka dan ibu-bapa yang mahukan anak perempuan mereka diasingkan kerana terlalu banyak aduan pelatih-pelatih wanita yang melalui pengalaman diganggu oleh sama ada pelatih atau petugas lelaki sehingga ada yang ke peringkat mencabul, mendera dan merogol; ramai ibu-bapa yang mengadu anak perempuan mereka yang apabila kembali daripada PLKN berubah menjadi terlalu terbuka dalam pergaulan dan perhubungan dengan lelaki walaupun sebelum ke PLKN anak-anak mereka sangatlah bersopan dan menjaga akhlak dan batasan pergaulan dengan lelaki; Selanjutnya Dewan mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pertahanan supaya menerapkan dalam silibus latihan kepada pelatih-pelatih beragama Islam modul nilai Islam seperti mewajibkan solat jemaah pada tiap waktu solat fardu, qiamullail dan tahajjud, dan melatih mereka supaya mengimarahkan masjid dengan selalu mengadakan program qiamullail di mana-mana masjid berhampiran kem PLKN, yang mana ini akan bukan sahaja menjalinkan ukhwah dan persaudaraan dengan masyarakat sekeliling, ianya juga akan memperkuuh dan memperkuatkan aspek spiritual dan kerohanian pelatih-pelatih PLKN."

(Menteri Pertahanan)

53. PR-1251-U47318

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Kementerian Dalam Negeri, dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri (Bahagian Hal Ehwal Islam) supaya mengkaji kepada keperluan mewujudkan sebuah pusat tahanan, penjara dan/ atau tempat perlaksanaan hukuman bagi mereka yang disabit dan dijatuhkan hukuman oleh mana-mana Mahkamah Syariah yang berbidangkuasa memandangkan tiadanya pusat tahanan, penjara dan/ atau tempat perlaksanaan hukuman bagi pesalah-pesalah syarie seperti yang kita persaksikan dalam kes Kartika Sari Dewi Syukarno. Dewan mengambil perhatian bahawa perlaksanaan hukuman bagi pesalah syarie adalah sangat berbeza dari tujuan, matlamat dan bentuk hukuman bagi pesalah syarie berbanding dengan pesalah di Mahkamah Sivil."

(Menteri Dalam Negeri)

54. PR-1251-U48773

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat membahaskan agar undang-undang digubal untuk mewajibkan kesemua calon tidak kira dari pihak Kerajaan atau pihak pembangkang yang bakal bertanding pada pilihan raya umum yang ke 13 akan datang untuk mengisyiharkan harta mereka kepada umum sebelum hari penamaan calon."

(Perdana Menteri)

55. PR-1251-U48776

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat membincangkan agar Kerajaan menubuhkan satu tabung untuk pendidikan yang memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar di mana pendapatan ibu bapa mereka kurang daripada RM 3000 seisi rumah tanpa dikenakan faedah dan mereka hanya perlu memulangkan jumlah yang dipinjam sahaja."

(Menteri Pelajaran)

56. PR-1251-U48778

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mengambil keputusan untuk mengadakan satu bentuk kawalan harga rumah yang semakin lama semakin melambung terlalu tinggi dan menyukarkan rakyat untuk memiliki rumah sendiri."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

57. PR-1251-U48779

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mencadangkan supaya setiap Majlis Perbandaran atau pihak yang relevan untuk memantau masalah pengaliran dan saliran di setiap bandar untuk mengelakkan masalah banjir yang kerap berlaku di kebanyakan bandar-bandar akibat hujan lebat dan ini menyebabkan kerosakan harta benda dan kerugian yang amat tinggi."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

58. PR-1251-U48782

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mengambil keputusan supaya satu undang-undang dapat digubal untuk memastikan sesiapa yang menukar agama wajib memberitahu keluarga mereka mengenai pertukaran agama mereka untuk mengelakkan masalah perebutan jenazah apabila mereka yang menukar agama meninggal dunia."

(Perdana Menteri)

59. PR-1251-U48784

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mencadangkan supaya Kerajaan Negeri yang mengeluarkan minyak mentah dinaikkan kadar royalti mereka kepada 20%."

(Perdana Menteri)

60. PR-1251-U48800

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk meminta Kerajaan Malaysia untuk membina lebih banyak lagi sekolah cina dan sekolah tamil yang baru yang lengkap dengan sistem pembelajaran berdasarkan internet, manakala sekolah-sekolah yang sedia ada dilengkapi dengan sistem pembelajaran berdasarkan internet."

(Menteri Pelajaran)

61. PR-1251-U48805

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat membincangkan mengenai kos kehadiran di Mahkamah Rendah bagi Peguam yang kini ditetapkan pada kadar RM 25 dinaikkan kepada RM 50."

(Perdana Menteri)

62. PR-1251-U48816

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan setakat mana berkesannya peranan yang dimainkan oleh Institut Integriti Malaysia dalam membasmi masalah sosial di kalangan pihak Belia dan remaja seperti penagihan dadah, Mat Rempit dan lumba haram, gangsterisme dan kongsi gelap, pencabulan kehormatan dan gangguan seksual di tempat kerja (sexual harassment), penggunaan bahasa-bahasa lucah dan tidak sopan, kurangnya rasa hormat kepada ibu bapa, guru dan orang tua dan sebagainya."

(Perdana Menteri)

63. PR-1251-U48822

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan supaya Kerajaan membuat keputusan untuk mengurangkan kehadiran pekerja asing di negara ini. Kehadiran mereka kini adalah tidak terkawal menyebabkan peluang pekerjaan warga tempatan tergugat dan masalah sosial dan jenayah disebabkan oleh warga asing meningkat."

(Menteri Dalam Negeri)

64. PR-1251-U47810

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi 100 juta oleh MINDEF, mesti dibawa ke Parlimen di bahas dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara supaya untuk syarat meneruskan pembelian ini. Ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan integriti dan keberkesaan pembelian sistem pertahanan. Ini adalah diakibatkan oleh pembelian Jet Sukhoi dan Kapal Selam Scorpene telah menimbulkan banyak persepsi negatif terhadap negara."

(Menteri Pertahanan)

65. PR-1251-U48724

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menguatkuasa Resolusi 62/149 Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap Hukuman mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agong Bangsa-Bangsa Bersatu pada 18 Disember 2007 di mana negara-negara yang masih mengamal hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman-hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali.

Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar untuk membantu mematuhi moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan moratorium tersebut."

(Menteri Luar Negeri)

66. PR-1251-U48728

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menubuhkan sebuah Suruhanjaya DiRaja Siasatan Kes Kematian Tujuh Warga Pekerja Asing pada hujung Mei 2009 akibat kerja perobohan Jaya Supermarket, Petaling Jaya. Daripada siasatan yang dijalankan, kerja perobohan tersebut tidak mendapat kelulusan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH)."

(Perdana Menteri)

67. PR-1251-U48730

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendorong Suruhanjaya Integriti Pengawalkuasaan (SIAP) menjalankan siasatan ke atas Adik Aminulrasyid yang ditembak mati oleh anggota polis. Dewan juga mendorong mengenai perlantikan panel khas di dalam siasatan kes ini. Polis didakwa menyalahgunakan senjata api sehingga menyebabkan Aminulrasyid terbunuh oleh polis. Daripada siasatan dan perbincangan yang dijalankan, banyak pihak tidak berpuas hati dengan perjalannya dan diharap agar suruhanjaya ini mampu untuk menjawab pelbagai spekulasi."

(Perdana Menteri)

68. PR-1251-U47677

Datuk Chua Soon Bui [Tawau] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincang sebab-sebabnya mengapa Kementerian serta MCMC belum lagi berusaha atau mengambil sebarang tindakan drastik untuk menyelesaikan masalah gangguan perkhidmatan Internet yang terlalu lama tertunggak di Sabah terutama sekali di Tawau. Memandangkan pembekal-pembekal perkhidmatan Internet yang bermonopoli telah gagal memberi perkhidmatan berterusan dan memuaskan di Sabah selama banyak tahun ini, Kementerian seharusnya bertanggungjawab kepada rakyat dan membenarkan lebih ramai pembekal perkhidmatan Internet meningkat dan menambahbaik perkhidmatan Internet di Sabah."

(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)

69. PR-1251-U47687

Datuk Chua Soon Bui [Tawau] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincangkan masalah terlalu lama tertunggak iaitu kegagalan Kementerian dalam menyediakan guru-guru Cina dan yang fasih dalam bahasa Cina untuk mengajar di SJK(C) di Malaysia terutama sekali di Sabah sedangkan ianya satu-satunya obligasi dan tanggungjawab Kementerian dan Kerajaan. Apakah tindakan-tindakan yang akan diambil Kementerian untuk mengatasi masalah di atas agar tidak menyingkirkan pendidikan bantuan Kerajaan yang seterusnya akan menjelaskan mutu dan pembangunan pendidikan SJK(C) di Malaysia."

(Menteri Pelajaran)

70. PR-1251-U47697

Datuk Chua Soon Bui [Tawau] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini mengambil ketetapan mendesak supaya Kerajaan mengambil tindakan tegas untuk melindungi kepentingan Hak Adat Natif (NCR) dan Hak Tanah Adat Natif di Sabah, memandangkan lebih daripada 800 aduan telah diserahkan kepada SUHAKAM berhubung pengusiran dari tanah adat dan tanah-tanah itu diberi kepada syarikat-syarikat besar, walaupun ramai orang natif telah menunjukkan bukti yang mencukupi terhadap pemilikan tanah mereka itu di bawah Hak Tanah Adat Natif."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

71. PR-1251-U47710

Datuk Chua Soon Bui [Tawau] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincangkan pelan tindakan dan jangka masa penubuhan sebuah Suruhanjaya Penyiasatan DiRaja (RCI) berhubung pendatang-pendatang tanpa izin di Sabah, yang seharusnya meliputi wakil-wakil orang awam, serta mengumumkan kesan-kesan negatif dan ancaman kepada rakyat Sabah sebelum pilihan raya umum yang ke-13."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

72. PR-1251-U47712

Datuk Chua Soon Bui [Tawau] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincang cadangan untuk menubuhkan satu penyiasatan bebas berhubung banyak aduan terhadap banyak kejadian kematian dan kecuaian perubatan di hospital-hospital Kerajaan Sabah, terutama sekali berhubung kelewatan rawatan perubatan bagi seorang budak lelaki yang berumur 7 tahun, seorang lelaki berumur 21 tahun yang tersalah diagnos di Tawau, dan kecuaian dalam pentadbiran ubat kemoterapi di Kota

Kinabalu, supaya penyiasatan ini adil saksama dan keputusan penyiasatan ini dapat diumumkan secara terbuka dengan persetujuan keluarga-keluarga yang terlibat."

(Menteri Kesihatan)

73. PR-1251-U47720

Datuk Chua Soon Bui [Tawau] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincangkan tindakan-tindakan segera yang diambil untuk memastikan bahawa tiada sebarang hospital Kerajaan di Sabah yang menghadapi sebarang gangguan bekalan elektrik atau air memandangkan gangguan-gangguan bekalan elektrik baru-baru ini di Hospital Queen Elizabeth di Kota Kinabalu selama lebih daripada tiga jam berterusan dan sebilangan pesakit kritikal terpaksa dipindahkan ke Hospital Queen Elizabeth Kedua (QEHD)."

(Menteri Kesihatan)